

AKHBAR : KOSMO

TARIKH : 28.04.2015

M/S : 16

SPA kesan pihak lain urus pengisian jawatan, peperiksaan online

PUTRAJAYA - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) memaklumkan semua urusan pengisian kekosongan jawatan menerusi SPA termasuk urusan peperiksaan secara online adalah melalui SPA sahaja.

SPA dalam satu kenyataan di sini berkata, pemberitahuan itu dibuat berikutan SPA telah mengesan penggunaan nama SPA oleh Ramon Bizz Enterprise di satu laman web yang mendedahkan contoh-contoh soalan peperiksaan bagi calon yang bakal menduduki peperiksaan

secara online SPA.

Menurutnya, melalui laman web beralamat <http://ujianspa.com> itu, calon yang berminat untuk menduduki peperiksaan percubaan tersebut dikehendaki membeli 'pas' berharga RM20 terlebih dulu.

"Untuk makluman, SPA tidak pernah melantik mana-mana pihak bagi tujuan tersebut.

"SPA menjalankan semua urusan pengambilan mengikut tatacara yang ditetapkan di mana setiap soalan peperiksaan adalah 'rahsia' sehingga pada tarikh

dan masa yang ditetapkan," kata kenyataan itu.

Sehubungan itu, SPA telah membuat satu laporan polis dan semua pihak berkepentingan dinasihatkan tidak terpedaya dengan iklan tersebut serta disaran untuk merujuk sebarang urusan peperiksaan secara online dengan SPA secara terus.

Sebarang pertanyaan boleh hubungi SPA di talian 03-8885 6000, 03-8885 6064 atau 03-8885 6098.

Untuk maklumat lanjut sila layari laman web SPA di www.spa.gov.my.
- Bernama



LAMAN web yang didapati menawarkan peperiksaan percubaan SPA - Gambar hiasan

AKHBAR : METRO

TARIKH : 28.04.2015

M/S : 34

SA **Harian Metro**

015

m/s 34

28/4/2015

Putrajaya

Nama SPA diguna dalam laman sesawang

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) mengesan penggunaan nama suruhanjaya itu oleh Ramon Biz Enterprise pada satu laman sesawang yang mendedahkan contoh soalan peperiksaan bagi calon menduduki peperiksaan secara atas talian SPA.

SPA dalam satu kenyataan semalam berkata, pihaknya tidak pernah melantik mana-mana pihak bagi tujuan berkenaan dan suruhanjaya ini menjalankan semua urusan pengambilan mengikut tatacara yang ditetapkan.

Menurut kenyataan itu, calon yang berminat untuk menduduki peperiksaan percubaan itu boleh mendapatkannya dengan melayari laman sesawang <http://ujianspa.com>, namun dikehendaki membeli pas berharga RM20 terlebih dahulu.

"Setiap soalan peperiksaan adalah rahsia sehingga pada tarikh dan masa ditetapkan serta mengikut piawalan MS ISO 9001:2008 dan MS ISO/IEC 27001:2007," katanya, semalam.

AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH : 28.04.2015

M/S : 12

Sinar Harian 28/4/15
MS 12

SPA tak lantik pihak lain urus pengisian jawatan

PUTRAJAYA - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) memaldumkan semua urusan pengisian kekosongan jawatan di SPA termasuk urusan peperiksaan secara online atau dalam talian melalui SPA sahaja.

Dalam satu kenyataan, SPA berkata, pemakluman itu dibuat berikutan SPA mengesan penggunaan nama SPA oleh

Ramon Bizz Enterprise di satu laman web yang mendedahkan contoh-contoh soalan peperiksaan bagi calon yang bakal menduduki peperiksaan secara online SPA.

Melalui laman web beralamat <http://ujianspa.com> itu, calon berminat menduduki peperiksaan percubaan tersebut dikehendaki membeli 'pas' RM20.

"Untuk makluman, SPA tidak pernah

melantik pihak bagi tujuan tersebut.

"SPA menjalankan semua urusan pengambilan mengikut tatacara ditetapkan di mana setiap soalan peperiksaan adalah 'RAHSIA' sehingga pada tarikh dan masa yang ditetapkan dan mengikut standard MS ISO 9001:2008 dan MS ISO/IEC 27001:2007," menurutnya. - Bernama

AKHBAR : UTUSAN

TARIKH : 28.04.2015

M/S : 14

Jangan terpedaya iklan peperiksaan guna nama SPA

m/s 14-
4/4 s.a.1
28-4-15

PUTRAJAYA 27 April - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) telah mengesan penggunaan nama SPA oleh Ramon Biz Enterprise dalam satu laman web yang mendedahkan contoh-contoh soalan peperiksaan bagi calon yang bakal menduduki peperiksaan dalam talian suruhanjaya tersebut.

Menurut kenyataan SPA, melalui laman web berkenaan di <http://ujianspa.com>, calon yang berminat untuk menduduki peperiksaan percubaan itu dikehendaki membeli 'pas' berharga RM20 terlebih dahulu.

Sehubungan itu, kata kenyataan tersebut, SPA telah membuat satu laporan polis di samping menasihati pihak berkepentingan supaya tidak terpedaya dengan iklan berkenaan serta disaran merujuk terus dengan suruhanjaya itu berhubung peperiksaan dalam talian.

"SPA tidak pernah melantik ma-

na-mana pihak bagi tujuan tersebut dan semua urusan pengambilan peperiksaan adalah mengikut tata-cara ditetapkan iaitu setiap soalan adalah rahsia sehingga pada tarikh serta masa ditentukan mengikut standard MS ISO 9001:2008 dan MS ISO/IEC 27001:2007," menurut kenyataan itu yang dikeluarkan di sini hari ini.

Malah kata kenyataan itu, melalui Mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Bilangan 16/2015 hari ini telah memaklumkan semua urusan pengisian kekosongan jawatan di SPA termasuk peperiksaan dalam talian adalah melalui suruhanjaya itu sahaja.

Menurut kenyataan itu lagi, sebarang maklumat lanjut boleh menghubungi SPA di talian 03-88856000/03-88856064/03-88856098 atau laman web SPA di www.spa.gov.my.